

42 pelajar USIM teroka hutan

KUALA PILAH 10 Mac - Seramai 42 pelajar Unit Perlindungan Perubatan Pelajar (U3P) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bersama kakitangan Pusat Kesihatan Universiti dan kakitangan Jabatan Perhutanan negeri meneroka kawasan Hutan Lipur Batu Maloi, Johol dekat sini baru-baru ini.

Hutan lipur itu terletak di dalam kawasan Hutan Simpan Gunung Tampin yang merupakan jenis hutan Dipterokarpa Pamah.

Objektif penganjurannya adalah bagi meningkatkan pembangunan sendiri dan keperibadian pelajar, memberi kesedaran kepentingan menjaga hutan serta alam sekitar dan mendidik sikap tolong menolong serta saling bekerjasama dalam satu pasukan.

Ménurut Pengarah Jabatan Perhutanan negeri, Datuk Ahmad Fadzil Abdul Majid, program itu di-

adakan sempena Hari Hutan Antarabangsa yang disambut pada 21 Mac setiap tahun.

"Program seumpama ini bukan sahaja memupuk kesedaran dan kecintaan kepada hutan dan alam sekitar malah pelajar dan pengunjung dapat menguji stamina dan keergasan meneroka Gua Batu Maloi yang panjang laluannya ialah 2.38 kilometer.

"Selain itu, aktiviti seperti ini dapat menzahirkan pentingnya kita menjaga hutan semulajadi daripada sebarang pencemaran dan pencerobohan dengan melakukan aktiviti seperti penanaman pokok," katanya di sini.

Beliau yang turut serta menerokai gua Batu Maloi bersama peserta turut merasakan kepuasan dan mencapai sasaran objektif kerana pelbagai cabaran yang dihadapi semasa di dalam gua itu seperti laluan

sempit, memanjat dinding gua dan terpaksa melalui kawasan kolam.

Aktiviti bermula pukul 10 pagi dan berakhir pukul 4 petang.

Turut serta dari USIM adalah Pengarah Pusat Kesihatan Universiti USIM, Dr. Nik Shafikuddin Nik Taujuddin.

Sempena program itu, Jabatan Perhutanan negeri turut melancarkan majlis penyerahan kunci bangunan surau yang baru siap dibina dan simbolik tanaman pokok daripada spesies kapur dan merawan.

Pelajar Tahun Tiga, Fakulti Ekonomi dan Muamalat USIM, Mohamad Mahfidz Muzarin melahirkan rasa gembira dan teruja kerana dapat menyertai program itu.

"Sambil menikmati keindahan flora dan fauna, ia turut memupuk semangat kerjasama yang baik dan merapatkan hubungan sesama ahli," katanya.



PELAJAR dan kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia yang menyertai penerokaan kawasan Hutan Lipur Batu Maloi sempena Hari Hutan Antarabangsa di Kuala Pilah, Negeri Sembilan, baru-baru ini.